

CNS3810

R GB 09-10 00182 BC780

bah

Ramli - Mahathir

KEPIMPINAN DR MAHATHIR BERTARAF DUNIA, KATA RAMLI

IPOH, 9 Okt (Bernama) -- Kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya menangani pelbagai isu antarabangsa sehingga mengangkat namanya sebagai pemimpin bertaraf dunia, kata Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib.

"Sedang banyak pemimpin hanya melihat dan ada juga pemimpin besar dunia berdiam diri tetapi kemampuan Dr Mahathir menyentuh pelbagai isu antarabangsa telah mengharumkan nama Malaysia," katanya.

Malaysia juga bertuah kerana menempuh zaman gemilang di bawah kepimpinan Dr Mahathir, katanya ketika berucap pada majlis anjuran Perhubungan UMNO Negeri Perak bagi menyambut calon Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden, anggota Majlis Tertinggi, Exco Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di sini, malam tadi.

Ketokohan, kewibawaan dan kekuatan inteleks yang dimiliki oleh Dr Mahathir tidak ada tolok bandingnya sama ada oleh pemimpin dalam negara mahupun di luar negara pada masa ini, tambah beliau.

Ramli berkata contoh kepimpinan seperti Dr Mahathir itulah yang ingin ditonjolkan oleh sebahagian besar anggota UMNO kali ini, yang diketuai Naib Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim. -- Lagi

▼09/10/15-07MST

R GB 09-10 00142 BC781

bah

Ramli - Mahathir 2 Ipoh

Anggota UMNO mahu menonjolkan mesej Wawasan 2020 yang dipelopori oleh Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia negara maju dalam tempoh 27 tahun dari sekarang, katanya.

Beliau berkata penampilan Anwar untuk mewarisi kepimpinan parti dan negara merupakan satu manifestasi daripada peringkat akar umbi dan bukan satu paksaan.

Pencalonan daripada 143 bahagian merupakan manifestasi hasrat hampir keseluruhan bahagian UMNO di negara ini untuk melihat kesinambungan kepimpinan yang diterajui Perdana Menteri dan bukan satu yang berbentuk orkestra.

Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika berucap pula berkata dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi, soal memerangi kemiskinan akan terus menjadi agenda utama perjuangan UMNO.

Kejayaan UMNO mengurangkan kadar kemiskinan rakyat merupakan rekod dunia dan perjuangan itu akan diteruskan sehingga rakyat Malaysia dibebaskan daripada belenggu kemiskinan pada tahun 2001. -- Lagi

▼09/10/15-08MST

bah

Ramli - Mahathir 3 (Akhir) Ipoh

Beliau berkata Malaysia memerlukan barisan pemimpin berkaliber untuk menghadapi abad ke-21 yang lebih gemilang jika tidak mahu ketinggalan dengan negara-negara lain.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib pula berkata perubahan yang berlaku di dalam dan luar negara telah mewujudkan perjuangan baru dalam UMNO.

Katanya ini memerlukan barisan kepimpinan yang mantap diketuai oleh Anwar untuk membantu Dr Mahathir sebagai pemimpin kelas dunia.

Katanya perubahan yang melanda UMNO sekarang bukan perpecahan tetapi taufan yang membawa kekuatan kepada parti.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak yang turut berucap berkata Anwar sebagai Menteri Kewangan telah berjaya membawa sentuhan emas mengubah keadaan ekonomi negara ke tahap yang membanggakan. -- Bernama

MUS RON

▼09/10/15-10MST